

# Memori KORPORAT

UITM DALAM SEJARAH



## Penubuhan Maktab MARA

Dewan Latehan RIDA telah ditukar nama kepada Maktab MARA pada 5-7 Jun 1965, iaitu dalam satu Kongres Ekonomi Bumiputra yang diadakan di Kuala Lumpur untuk membincangkan masalah ekonomi rakyat negara ini. Di dalam Kongres inilah suatu usul telah dikemukakan supaya Lembaga Kemajuan Kampung dan Perusahaan (LKKP) yang lebih di kenali dengan RIDA di bubar dan di gantikan dengan Majlis Amanah Ra'ayat (MARA).



**Kad Pelajar Maktab MARA  
Tahun 1966**



Usul tersebut berbunyi :

“Kongres menyokong hasrat Kerajaan Pusat hendak memperbaiki dan memperkuatkannya RIDA dengan cara menambahkan modal dan memperkemaskan lagi pentadbirannya. Kongres mencadangkan supaya nama RIDA itu di ganti dengan MARA atau Majlis Amanah Ra'ayat”.

Dalam ucapannya semasa penutup Kongres tersebut Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak bin Hussein telah menyatakan antara lain, “saya telah terangkan cadangan kerajaan hendak membubarkan RIDA itu hendak memberinya rupa, bentuk, nafas dan jiwa yang baharu dan pada hari ini, Kongres telah memberi Lembaga itu nama baharu iaitu MARA. MARA akan bertanggungjawab menolong dan menjalankan ikhtiar-ikhtiar untuk memperbaiki ekonomi Bumiputra.”

Menurut YAB Tun Abdul Razak, pertukaran nama ini adalah bertujuan untuk memberi nafas baru dan aspirasi kepada pusat latihan itu sendiri. Pertukaran ini juga menandakan yang institusi ini bukan lagi di bawah kuasa RIDA, sebaliknya menjadi sebuah unit terpenting bagi Bahagian Latihan MARA.

MARA, nama singkatan bagi Majlis Amanah Rakyat telah mengambil alih institusi ini dan mengukuhkan lagi peranan dan tanggungjawab RIDA.

Sumber :

MARA Secara Ringkas

Buku Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA Ke-83